

AMANAT MUTAKHIR PRESIDEN UMNO

MASSA 28.6.2003

"TAK Melayu Hilang Di Dunia" bukan lagi kata-kata keramat jika bangsa Melayu terus alpa dengan keseronokan mengejar kedudukan. Orang Melayu harus bersatu dan jangan sekali-kali menjadi pengkhianat kepada bangsa dan parti bagi memastikan UMNO terus gah. Itulah antara amanat terakhir Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung UMNO ke-54 yang merupakan perhimpunan terakhir buat seorang pemimpin yang menerajui kepimpinan negara selama 22 tahun. Berikut ialah petikan pesanan-pesanan beliau.

Bahaya Globalisasi: "Globalisasi diperkenalkan dan dibentuk oleh negara Barat untuk memudahkan mereka menguasai ekonomi dunia. Ternampak jelas yang bangsa-bangsa Eropah ingin kembali menakluki dunia. Hari ini mereka sudah mula mencerooboh dan menawan negara-negara tertentu untuk keselamatan mereka kononnya dan untuk mengeksploitasi kekayaan yang ada pada negara-negara berkenaan."

Kenali Orang Eropah: "Kita perlu kenal baik-baik bangsa Eropah kerana kehidupan kita, nasib kita akan ditentukan oleh cara kita berinteraksi dengan bangsa-bangsa Eropah dan keturunan mereka.

"Serangan pada 11 September ke atas Amerika Syarikat yang menyokong Israel

dijadikan alasan bagi orang Anglo-Saxon Eropah kembali ganas dan bengis. Strategi mereka melawan keganasan ialah dengan melancarkan serangan terhadap negara-negara Islam dan orang Islam, sama ada yang bersalah atau tidak bersalah.

"Kita mesti kenal bangsa ini (Eropah) kerana mereka akan memainkan peranan yang amat besar dalam kehidupan kita. Dalam masalah negara kita, mereka akan terus cuba menakluki kita. Sama ada secara fizikal ataupun secara mental. Mereka akan menakluki kita."

Malaysia Dan Ancaman Bentuk Baru: "Hari ini kita lihat bagaimana percubaan dibuat untuk menjadikan kita pengemis dengan menjatuhkan nilai ringgit kita. Hari ini kita lihat bagaimana kuasa besar menyerang dan menakluki negara-negara lemah. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu jelas tidak mampu melindungi sesiapa. Tidak ada kuasa lain yang sanggup menolong jika kita dijadikan sasaran.

"Jika tidak negara kita yang dicerobohi, pemikiran kita, budaya kita, agama kita dan lain-lain akan dijadikan sasaran. Dalam bidang budaya dan sosial mereka ingin melihat kebebasan individu yang tidak terhad. Bagi mereka, kebebasan individu adalah perkara yang tidak boleh dipersoalkan."

Barat Dan Percaturan Ekonomi: "Jika ada sesiapa yang menentang dan menolak sistem pasaran bebas yang dianjurkan oleh

**Sesungguhnya musuh
UMNO tidak kuat.
Mereka tidak mungkin
mengalahkan UMNO.
Tetapi UMNO boleh
mengalahkan UMNO.
Kita semua tahu**

WTO (Pertubuhan Perdagangan Dunia), mereka boleh dikenakan tindakan yang akan merosakkan ekonomi mereka.

"Melalui WTO, mereka, orang Eropah telah memperkenalkan *rule-based trading* iaitu semua perniagaan dalam atau luar negara mestilah tertakluk kepada aturan-peraturan WTO yang mereka cipta. Manamana negara yang tidak mengikut aturan-peraturan ini boleh dikenakan pelbagai tindakan, seperti sekatan dagangan atau *sanction* dan lain-lain, yang boleh merosakkan lagi ekonomi negara."

Dasar Malaysia: "Dasar kita ialah memperkayakan jiran – *Prosper thy Neighbour*. Ini bukanlah semata-mata kerana ingin menolong jiran. Hakikatnya ialah apabila jiran makmur, kita akan turut makmur kerana dapat meningkatkan perdagangan dengan mereka.

"Memperkayakan jiran sebenarnya adalah dasar yang mengutamakan kepentingan diri secara bertimbang rasa. Dan dasar ini membawa banyak kebaikan kepada kita, menyumbang kepada kestabilan serantau dan pertumbuhan ekonomi juga."

Demokrasi: "Demokrasi bergantung kepada sokongan ramai. Sokongan ini boleh didapati kerana kecekapan calon dan parti dalam memerintah dan membangunkan negara. Tetapi sokongan ramai boleh juga didapati kerana sentimen perkauman kerana sengaja menyalah tafsirkan agama atau dengan menyogok pengundi.

"Kita di Malaysia berjaya mengamalkan demokrasi. Tetapi orang Eropah tidak senang hati. Mereka ingin melihat penukaran kerajaan yang kerap supaya huru-hara berlaku dan pembangunan tidak dapat diadakan. Slogan mereka sekarang ialah *Regime Change*."

Parti Pas: "Banyak tafsiran yang bertentangan dengan ajaran Islam yang dibuat oleh pemimpin Pas. Orang Islam di Malaysia menjadi keliru akan ajaran Islam dan mereka tidak dapat bersatu padu. Perpecahan antara mereka melemahkan orang Islam di zaman yang orang Islam penting bersatu untuk menyelamatkan diri mereka.

"Mereka tidak tahu berterima kasih dan bersyukur, suka lempar fitnah dan percaya fitnah yang dilempar oleh orang tertentu

dan mereka bermusuhan ketat dengan orang Islam lain. Mereka sudah sampai ke tahap mencuba menjatuhkan kerajaan pilihan rakyat dengan menggunakan senjata dan menjadi pengganas, perompak dan pembunuh."

Jalan Mudah: "Dalam perjuangan kehidupan kita satu cara yang akan menentukan kekalahan kita ialah mencari cara yang mudah. Sebab itu saya selalu tegur. Kadang-kadang kita orang Melayu cari jalan yang mudah.

"Jangan cari yang mudah. Ini akan menyebabkan kita kehilangan kedudukan kita. Cari cara yang baik yang boleh memberi pengetahuan kepada kita, kebolehan kepada kita, insya-Allah kita akan berjaya. Lambat sikit tak apa."

Kedudukan UMNO: "Pertandingan dalam parti bertujuan mendapat calon dan pemimpin yang terbaik, bukan untuk berkecuali dan merajuk sehingga sanggup membalas dendam dan merugikan perjuangan parti dan bangsa.

"Parti tidak akan dapat meneruskan perjuangannya jika tidak ada pembaruan, keahlian dan kepimpinan, jika ahli dan pemimpin baru tidak diterima.

"Sesungguhnya musuh UMNO tidak kuat. Mereka tidak mungkin mengalahkan UMNO. Tetapi UMNO boleh mengalahkan UMNO. Kita semua tahu. Parti lawan tidak menang. Hanya UMNO yang kalah.

"Kita perlu dikritik kerana tanpa kritik kita akan terus dengan apa yang kita lakukan walaupun ia tidak baik dan tidak kena kalau tidak ada kritik. Justeru teruskanlah dengan kritikan tetapi fikirkan sama tentang sama ada kritikan kita itu membina ataupun tidak ataupun ia akan dijadikan bahan untuk parti lawan menyerang kita.

"Jangan berhenti apabila dihalau keluar. Jangan berhenti sewaktu kita tidak popular, jangan berhenti setelah kita rosakkan parti. Sebab itu saya bersyukur kerana jelas sekali bahawa UMNO telah dipulih dengan baiknya."

Agama Sebagai Pegangan: "Tidak ada pengaruh yang lebih kuat daripada agama Islam untuk membina kekuatan dan ketahanan orang Melayu. Tetapi yang penting ialah kita pegang kepada ajaran Islam yang sebenar, ajaran yang semuanya positif dan membina, ajaran yang memberi kejayaan kepada Nabi besar kita Muhammad s.a.w. ajaran yang memberi kejayaan besar kepada umat Islam.

"Agama Islam tidak akan mengham-pakan kita. Allah tidak akan menentukan nasib yang buruk semata-mata bagi kita.

"Jika kita sengaja pilih untuk tinggal di tepi gunung berapi, janganlah salahkan Tuhan atau takdir apabila gunung meletup, rumah kita runtuh atas kita dan kita cedera atau mati." □

UMNO SELEPAS TRANSISI

BAGAIMANAKAH UMNO pasca-Mahathir? Inilah persoalan yang menjadi perbincangan hangat selepas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengundur diri daripada pentas politik dan kerajaan pada Oktober ini. Secara umumnya para pemerhati politik melihat Dr. Mahathir telah meninggalkan asas yang kukuh kepada parti itu. Beliau meninggalkan UMNO yang kuat.

Seorang penganalisis politik melihat UMNO tidak akan menghadapi cabaran yang besar selepas Dr. Mahathir mengundurkan diri.

"Saya tidak lihat UMNO menghadapi cabaran besar selepas Dr. Mahathir. Apa juga perancangan telah dibuat Perdana Menteri sebelum beliau meletakkan jawatan dalam parti. UMNO kini berada di landasan yang baik.

"Beliau berulang kali menyeru supaya orang Melayu menukar nilai politik, bersatu, berpadu dan memberi sokongan kepada penggantinya. Dalam waktu terdekat saya lihat UMNO tidak ada masalah," ujar beliau.

Ahli-ahli UMNO perlu melihat kepimpinan Pak Lah, pengganti Dr. Mahathir, dalam sudut yang positif. Ini kerana Pak Lah juga berulang kali menyatakan beliau tidak akan melakukan perubahan polisi yang besar dalam waktu terdekat. Dalam waktu transisi UMNO tidak akan menghadapi masalah. Sejarah membuktikan setiap kali pertukaran pemimpin, BN dan UMNO akan mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya umum.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr. Noraesah Mohamed melihat UMNO akan terus melangkah seperti biasa dan kukuh walaupun tanpa Dr. Mahathir. "Dr. Mahathir mempunyai kelainan dan kekuatan tersendiri. Beliau telah menerapkan nilai-nilai tersebut dalam UMNO. Falsafah dan semangat perjuangan Dr. Mahathir tetap ada dan akan diteruskan.

"Sudah tentu ada perbezaan stail kepimpinan di antara Dr. Mahathir dan

Pak Lah. Namun dari segi matlamat, mereka ialah orang yang sama iaitu berjuang bagi memperkasakan orang Melayu supaya setanding dengan bangsa-bangsa lain yang maju di dunia," ujar Dr. Noraesah.

Objektif UMNO selepas ini ialah untuk melahirkan lebih banyak tokoh kepimpinan yang setaraf dengan Dr. Mahathir.

Bagaimanapun, kata Dr. Noraesah, adalah tidak adil untuk membandingkan kepimpinan Dr. Mahathir dengan Pak Lah kerana gaya kepimpinan Pak Lah belum lagi teruji.

"Secara umumnya ahli-ahli UMNO dan rakyat berpendapat Pak Lah setidaknya telah memahami perjuangan Dr. Mahathir. Oleh itu Pak Lah tidak akan menghadapi masalah yang besar. Pak Lah mungkin juga boleh digilap sebagai permata jika beliau menghayati dan meneruskan perjuangan Dr. Mahathir," ujar beliau.

Penolong Pengarah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Shauki Abdul Majid berpendapat Pak Lah mewarisi parti UMNO yang kukuh daripada Dr. Mahathir. Itulah kelebihan UMNO pasca-Mahathir. Kini terpulang kepada Pak Lah untuk membentuk UMNO selepas era Dr. Mahathir bagi mencantikkan lagi parti itu ataupun mungkin meruntuhnya.

"Pak Lah boleh mengambil iktibar daripada kepimpinan Khalifah Ar-Rasyidin. Selepas wafat Rasulullah, Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar yang berpewatakan tegas berjaya mententeramkan keadaan bagi menghadapi masalah yang timbul seperti orang-orang Islam yang murtad dan muncul nabi-nabi palsu. Pada masa yang sama mereka berjaya meningkatkan ekonomi negara.

"Bagaimanapun Saidina Uthman gagal menjalankan tanggungjawabnya kerana terlalu mementingkan ahli keluarganya sahaja walaupun beliau dilihat mempunyai perwatakan yang lembut dan warak. Di sinilah Pak Lah perlu belajar bagaimana untuk menjadi seorang pemimpin yang baik," kata Shauki. □